



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN FLYOVER MEDAN JAYA – JALAN TUN HUSSEIN ONN, BINTULU, SARAWAK

BINTULU, SARAWAK — Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan *Flyover* Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu, disempurnakan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof hari ini. Hadir sama Menteri Muda Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD) Sarawak, YB Datuk Haji Julaihi bin Haji Narawi serta Ahli Parlimen Bintulu, YB Dato' Sri Tiong King Sing yang juga Duta Khas Perdana Menteri ke China.

Projek Pembinaan *Flyover* Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu merupakan projek yang telah diluluskan pada 2015 melalui kajian dan diluluskan secara fizikal pada 25 Oktober 2019. Projek tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Rolling Plan 4 (2020). Kerja-kerja pembinaan akan bermula secara rasmi pada 3 Disember 2021 dan akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan iaitu jangkaan tarikh siap adalah pada 2 Disember 2024. Kos kontrak adalah sebanyak RM137.7 juta.

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah *flyover* empat lorong dua hala dari Jalan Sultan Iskandar ke Jalan Tun Hussein Onn (dan sebaliknya) termasuk kerja menaik taraf Jalan Sultan Iskandar, Jalan Tun Hussein Onn, Jalan Kidurong dan Jalan Johari Sunam, serta menaik taraf persimpangan berlampu isyarat Medan Jaya dan Taman Tinggi.

Objektif utama projek ini adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik terutama pada waktu puncak yang terjana oleh pembangunan pesat di kawasan tersebut di samping menaik taraf jaringan jalan raya yang akan merangsang perkembangan ekonomi setempat di Bandar Bintulu. Pembinaan *flyover* juga dijangka akan mengurangkan tempoh perjalanan selama 30 minit ke 15 minit dari Taman Tinggi ke Pusat Bandar Bintulu.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
27 NOVEMBER 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur